

NO. SOALAN: 41

mengenai perkhidmatan jalur lebar berwayar juga telah menurun daripada 328 aduan bagi tempoh Januari hingga 2014 kepada 311 aduan bagi tempoh yang sama pada tahun 2015.

Berdasarkan kepada pemantauan yang dilakukan secara berkala oleh SKMM, sejumlah 77% aduan telah diselesaikan dan baki 22% masih dalam siasatan. Bagi tujuan penambahbaikan, hingga Mei 2015, sejumlah enam (6) surat amaran telah dikeluarkan kepada pemberi perkhidmatan kerana gagal menyelesaikan aduan mengikut piawaian yang telah ditetapkan di bawah Kod Amalan Pengguna yang tertakluk dalam Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998. Selain itu, pemberi perkhidmatan juga telah diarahkan untuk memberikan sejumlah RM234,317.45 rebat kepada pengguna berdasarkan kepada aduan yang telah dikemukakan.

SKMM juga telah mengeluarkan laporan prestasi bulanan kepada pemberi perkhidmatan bagi memastikan pengendalian aduan dikelolakan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Hasil laporan ini akan digunakan dalam menentukan kedudukan pemberi perkhidmatan dalam penilaian “Star Rating” yang akan diumumkan pada suku akhir tahun 2015. Program “Star Rating” ini telah dilancarkan di bawah “Consumer Empowerment 2014-2016” yang dikendalikan oleh SKMM dan Forum Pengguna Malaysia (*Consumer Forum Malaysia, CFM*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL
SAMAD [SHAH ALAM]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 42

**Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) bagaimana Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) akan dilaksanakan setelah kepentingan syarikat penyedia perkhidmatan AES sebelum ini telah diambil alih oleh Irat Properties Sdn Bhd.; dan
- (b) apakah bentuk perjanjian diantara kerajaan dengan syarikat pengendali baru system penguatkuasaan automatik (AES) dari segi kutipan bayaran dan tempoh konsesi perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pemilikan dan kepentingan syarikat penyedia perkhidmatan AES telahpun diambil alih sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan syarikat subsidiarinya (Irat Properties Sdn. Bhd. dan Boustead Holdings Berhad). Pelaksanaan dan operasi AES buat masa ini masih berjalan sepertimana sedia ada di mana pihak LTAT dan syarikat subsidiarinya bertindak dalam menyediakan infrastruktur, peralatan dan sistem AES tersebut namun tidak terlibat dalam sebarang aktiviti penguatkuasaan.

Manakala pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selaras dengan peruntukan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, bertanggungjawab dalam operasi dan aktiviti penguatkuasaan termasuk pengesahan imej kesalahan yang dirakam kamera AES dan pengeluaran saman.

- (b) Kerajaan dengan pihak LTAT dan syarikat subsidiarinya masih dalam perbincangan untuk menambahbaik terma-terma Perjanjian AES mengambilkira pandangan dan maklumbalas pelbagai pihak. Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan di sini, bahawa apa jua bentuk perjanjian yang akan dipersetujui dan dilaksanakan nanti, Kerajaan akan memastikan bahawa ianya mencapai objektif pelaksanaan AES dan dalam masa yang sama kepentingan Kerajaan dan rakyat akan sentiasa terjamin.